

D095

U B869 BAH
MAHATHIR - UMNO RRR

PARIT BUNTAR, 18 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMNO HARUS MEMENANGI KESEMUA 83 KERUSI PARLIMEN YANG DITANDINGINYA PADA PILIHAN RAYA INI AGAR KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) YANG DITUBUHKAN NANTI MEMPUNYAI TULANG BELAKANG DAN TERAS YANG KUKUH SERTA KUAT.

KATANYA DENGAN UMNO MEMPEROLEHI KERUSI YANG BANYAK, PARTI ITU AKAN MENJADI TULANG BELAKANG KERAJAAN CAMPURAN BN YANG KUAT DAN TIDAK MUDAH DIPATAHKAN OLEH MANA-MANA PIHAK.

KERAJAAN YANG KUAT MESTI MEMPUNYAI TULANG BELAKANG YANG KUAT DAN TERAS YANG KUKUH, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERHIMPUNAN DENGAN KIRA-KIRA 5,000 ORANG DI DEWAN MERDEKA DI SINI PETANG INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENEGASKAN HANYA KERAJAAN YANG KUAT SAHAJA YANG BOLEH MEMBAWA KEAMANAN, KEMAKMURAN KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.

KATANYA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU, RAKYAT HARUS MEMBERI KEMENANGAN DUA PER TIGA DARIPADA KERUSI DI DEWAN RAKYAT AGAR KERAJAAN DAPAT MEMBAWA KEMAKMURAN DAN KEAMANAN KEPADA MEREKA. -- LAGI.

2039MST 18 10 90

0096

U B870 BAH
MAHATHIR - UMNO 2 PARIT BUNTAR

DATUK SERI MAHATHIR BERKATA, UMNO TELAH BERJUANG SEJAK TAHUN 1946 UNTUK MENJAGA BUKAN SAHAJA KEPENTINGAN ORANG MELAYU TETAPI ORANG CINA DAN INDIA.

+KITA TAK KETEPIKAN ORANG INDIA DAN CINA MALAHAN MEREKA JUGA DIBERIKAN TEMPAT YANG SEWAJARNYA DI NEGARA INI,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, NEGARA KINI MENGHADAPI MASALAH TERDAPATNYA ORANG-ORANG YANG TIDAK SETIA KEPADA PARTI MALAHAN MEREKA MENINGGALKAN PARTI DAN MEMAKI HAMUNNYA APABILA GAGAL MENCAPAI CITA-CITA MEREKA DALAM PARTI.

BELIAU BERKATA PARTI SEMANGAT 46 ADALAH CONTOH SEBUAH PARTI YANG DIPIMPIN OLEH SEORANG YANG TIDAK SETIA KEPADA UMNO MALAHAN BERJUANG DALAM POLITIK UNTUK KEPENTINGAN DIRI.

PEMIMPIN PEMBANGKANG ITU, KATANYA, PERGI KE SANA KE MARI UNTUK Mencari orang-orang yang senasib dengannya untuk menyertai parti berkenaan tanpa menginsafi bahawa atas nama UMNO-lah beliau menjadi menteri kewangan dan menteri perdagangan dan perindustrian dahulu.

-- LAGI.

2041MST 18 10 90

0097

U B871 BAH
MAHATHIR - UMNO 3 PARIT BUNTAR

BELIAU MEMUJI BEKAS TIMBALAN PRESIDEN MIC DATUK S, SUBRAMANIAM, NAIB PRESIDEN KANAN PARTI ITU DATUK K. PATHMANABAN, TIMBALAN MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN DATUK NG CHENG KUI YANG TAMPIL UNTUK BERKEMPEN BAGI MEMASTIKAN KEMENANGAN CALON-CALON BN.

+INILAH TANDA KESETIAAN DAN KEJUJURAN YANG MEREKA TUNJUKKAN KEPADA PERJUANGAN PARTI DAN BN WALAUPUN MEREKA TIDAK BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA INI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA SUKACITA MENERIMA TELEGRAM DARIPADA PERSATUAN BEKAS PERAJURIT PARIT BUNTAR YANG MENYATAKAN IKRAR BAHAWA MEREKA AKAN MENJAMIN KEMENANGAN BN DAN BERSEDIA MEMIKUL SENJATA SEMULA DEMI MEMPERTAHANKAN NEGARA, BANGSA DAN AGAMA.

KESETIAAN MERUPAKAN ASAS PENTING BAGI KEJAYAAN DAN KEMAKMURAN SESEBUAH NEGARA TERUTAMANYA MALAYSIA YANG MEMPUNYAI MASYARAKAT MAJMUK, KATA BELIAU.

-- BERNAMA.

2043MST 18 10 90